

DAP : dedah pelaburan sebenar di WPI
Malaysiakini.com
Apr 14, 2008

Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi digesa supaya mengumumkan jumlah pelaburan sebenar di Iskandar Malaysia bagi membuktikan kredibiliti kerajaan dalam membangunkan projek tersebut.

Iskandar Malaysia nama baru bagi Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI) seperti diumumkan Abdullah pada Jumaat lepas.

Penasihat ekonomi kepada setiausaha agung DAP, Tony Pua berkata, Abdullah telah mengumumkan bahawa Iskandar Malaysia menuju sasarannya untuk menarik pelaburan RM47 juta dalam tempoh dua tahun akan datang dan sehingga ini ia telah "mencapai" 70 peratus sasaran pelaburannya, atau sekurang-kurangnya RM33 bilion.

Sehubungan itu, beliau yang juga ahli parlimen Petaling Jaya Utara, menggesa Abdullah yang juga menteri kewangan, supaya mengumumkan butiran berikut:

bullet button Daripada jumlah pelaburan yang telah "diperolehi" itu, apakah pecahannya antara perjanjian pelaburan yang sudah disahkan, contoh, ada klausa penalti jika ditamatkan; dan yang hanya berdasarkan kepada memorandum persefahaman (MOU) yang tidak terikat dengan sebarang kontrak.

bullet button Daripada pelaburan yang "diperolehi" itu, apakah pecahan antara (pelaburan) kerajaan Malaysia, pelabur swasta tempatan dan pelabur asing?

bullet button Daripada jumlah pelaburan yang diperolehi itu, berapa banyak dana yang telahpun dilaburkan di Iskandar Malaysia?

"Rakyat Malaysia mengharapkan supaya Iskandar Malaysia mencatatkan kejayaan, terutama dalam menarik pelaburan terus asing ke negara ini.

Kerap tukar nama

"Bagaimanapun, untuk berbuat demikian, menteri kewangan mesti menyediakan maklumat yang kita perlukan untuk menilai status projek tersebut dan menyarankan rancangan-rancangan perlu untuk memastikan kejayaannya," kata Pua dalam satu kenyataan hari ini.

Mengulas nama baru koridor ekonomi itu, ahli parlimen itu berkata:

"Harus diperhatikan bahawa ini adalah kali kedua projek tersebut bertukar nama sejak dilancarkan pada awal 2007, yang pada mulanya dinamakan sebagai 'Koridor Pembangunan Johor Selatan'.

"Kekerapan pertukaran nama projek tersebut memberi imej buruk terhadap kerajaan dan pihak pentadbiran kerana ia boleh menimbulkan kekeliruan di kalangan pelabur.

"Tambahan pula, ia juga mencerminkan sebuah kepimpinan yang tidak mampu berpegang kepada satu keputusan, sekurang-kurangnya untuk satu tempoh masa yang munasabah,

selepas ia dibuat."

Menurutnya, perkembangan seumpama itu tentunya tidak baik "untuk memupuk keyakinan pelabur terhadap projek kita".

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news//81327>